



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN ALUAN

YANG BERTHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN
(ReDI) DAN PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM JUALAN
MURAH KELUARGA MALAYSIA (JMKM)
PERINGKAT KEBANGSAAN

PADA
27 OGOS 2022 (SABTU)
10.00 PAGI

TEMPAT
DATARAN KERAYONG
BERA, PAHANG DARUL MAKMUR

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita semua dapat berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan **Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) dan Penjenamaan Semula Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) Peringkat Kebangsaan.**
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri** kerana sudi untuk bersama kita bagi menjayakan majlis pelancaran pada pagi ini.
3. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang, Pegawai Daerah dan YDP Majlis Daerah Bera, Pegawai-Pegawai Jabatan Persekutuan dan Negeri dan pemimpin-pemimpin masyarakat atas kerjasama dan sokongan kepada dalam menjayakan inisiatif-inisiatif untuk Keluarga Malaysia yang diterajui oleh KPDNHEP.

4. Saya mewakili seluruh warga KPDNHEP merasa amat bertuah atas kesudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melancarkan dua inisiatif utama KPDNHEP pada pagi yang permai ini dan lebih istimewa ianya dapat dikongsi bersama rakyat di dalam Parlimen Bera ini.
5. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (*Retail Digitalisation Initiative*) atau ReDI mula diperkenalkan oleh KPDNHEP pada 6 April 2021 di Putrajaya secara program rintis.
6. Objektif utama Program REDI ini ialah untuk merapatkan jurang digital di bawah sektor peruncitan yang melibatkan peniaga runcit, kedai makan, peniaga pasar malam dan pasar basah melalui penggunaan e-dompet yang lebih mudah dan selamat.
7. Kementerian menyedari penggunaan e-dompet di Malaysia semakin meningkat dengan pesat kesan daripada pandemik COVID-19. Menurut laporan Bank Negara, penggunaan e-dompet telah meningkat sebanyak 131% kepada melebihi 600 juta transaksi pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.
8. Kajian kementerian mendapati sektor peruncitan di bandar adalah lebih pantas beralih kepada penggunaan e-dompet berbanding sektor peruncitan di luar bandar. Sekiranya tiada langkah proaktif di ambil oleh kerajaan, golongan peniaga

sektor peruncitan di luar bandar dijangka akan jauh ketinggalan dalam arus digitalisasi yang pesat berkembang.

9. Oleh itu, sebagai kementerian yang mengawal selia sektor peruncitan, KPDNHEP telah mengambil langkah pro aktif untuk melaksanakan Program ReDI di lokasi luar bandar terpilih dan menjadi tumpuan bagi memastikan seluruh sektor peruncitan di dalam negara dapat beralih kepada model perniagaan digital.
10. Sejak itu, KPDNHEP telah melancarkan Program ReDI ke seluruh negara dengan sasaran 15,000 peniaga kecil dari sektor peruncitan mendaftar di bawah Program ReDI menjelang tahun 2025.
11. Bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai, KPDNHEP telah turun ke lapangan bersama rakan strategik penyedia perkhidmatan e-dompet seperti Touch and Go, Boost, ShopeePay, GrabPay, Maybank, Paynet ke seluruh negara khususnya di luar bandar dan di lokasi terpilih.
12. Di antara lokasi terpilih yang telah melaksanakan Program ReDI dengan meluas dan berjaya ialah seperti berikut:
 - (i) Kapit, Sarawak;
 - (ii) Kuala Berang, Terengganu;
 - (iii) Pulau Pangkor, Perak;

- (iv) Sandakan, Sabah; dan
- (v) Kuala Perlis, Perlis.

13. Suka saya berkongsi sedikit kejayaan semasa Program ReDI di Kapit, Sarawak seorang wanita warga emas berumur 72 tahun di Pasar Teresang, Kapit sangat gembira bila diperkenalkan dengan penggunaan e-dompet. Selain memudahkan urusan jual beli, penggunaan e-dompet juga dapat membantu beliau mengawal aliran tunai perniagaan dengan lebih mudah dan cekap.
14. Kisah ini menunjukkan bahawa peniaga kecil di luar bandar sebenarnya menyedari pentingnya teknologi dan digitalisasi dalam membantu meningkatkan perniagaan mereka. Cuma, kerajaan perlu melaksanakan strategi dan pendekatan yang berbeza melalui program turun padang untuk meningkatkan kesedaran kepada peniaga untuk beralih kepada teknologi digital.
15. Oleh sebab itu, pelancaran Program ReDI Peringkat Kebangsaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar lagi adalah sangat penting kerana ia akan memberikan satu momentum kepada agenda ekonomi digital negara, terutamanya kepada sektor peruncitan.

16. KPDNHEP juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia sebagai agensi peneraju inisiatif mempromosi pembayaran elektronik tanpa tunai bagi peniaga dan pengguna di bawah Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia, yang telah memberi sokongan yang sangat baik kepada pelaksanaan Program REDI ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

17. Selain daripada Program REDI, KPDNHEP juga telah memperkenalkan satu lagi program utama yang bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup Keluarga Malaysia akibat daripada kesan inflasi yang sedang kita alami pada masa ini.
18. Program Jualan Keluarga Malaysia atau PJKM mula diperkenalkan pada 2 Disember 2021 dan dilancarkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di PPR Kerinci, Kuala Lumpur. PJKM tersebut telah dilaksanakan di 222 kawasan Parlimen di seluruh negara.
19. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, PJKM telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan sehingga 31 Julai 2022 ianya telah dilaksanakan di 2,433 lokasi dengan jumlah pengunjung seramai 4.2 juta orang.

20. Program ini sangat di tunggu-tunggu oleh rakyat pada setiap minggu dan menawarkan barangan keperluan pada harga yang sangat berpatutan sehingga 20 peratus lebih murah dari harga pasaran.
21. Sebagai kerajaan yang prihatin dengan denyut nadi Keluarga Malaysia, PJKM akan terus diperkasakan lagi dengan model baru dan dijenamakan semula kepada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar lagi.
22. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, selama tiga hari bermula semalam hingga esok, penduduk di Bera juga akan dapat berpeluang membeli barangan keperluan di JMKM berkonsep Premium yang julung kalinya diadakan di kawasan Parlimen Bera ini.
23. Saya dimaklumkan, Jualan Murah Keluarga Malaysia Parlimen Bera ini akan menawarkan barangan keperluan pada harga yang sangat-sangat istimewa. Oleh itu, saya menyeru semua penduduk di Daerah Bera jangan lepaskan peluang untuk turun mendapatkan barangan keperluan di jualan murah istimewa ini.

Hadirin yang dihormati sekalian

24. Akhir kata, sebagai rakyat Malaysia, kita sangat bertuah kerana berada di bawah kepimpinan Kerajaan hari ini yang sangat prihatin kepada semua golongan. Dengan pelbagai program dan inisiatif sememangnya memberikan impak yang positif kepada rakyat, khususnya mereka yang kurang berkemampuan di kawasan luar bandar. **Tahniah dan Terima Kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.**

25. Sekali lagi, saya mewakili seluruh warga Kementerian ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Negeri Pahang dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ReDI dan JMKM di Parlimen Bera kali ini.

Sekian. Terima kasih.